



DATUK SERI DR MAHATHIR memulakan tugas sebagai Perdana Menteri Malaysia keempat pada 17 Julai 1981 di Jabatan Perdana Menteri di Jalan Duta, Kuala Lumpur.

# Era mengubah sikap, semangat

BH 31/10/2003 - 2 PRECISE

Oleh Kadir Dikoh

**S**AYA mahu melihat tandas di Malaysia lebih bersih, begitulah kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam sidang akhbarnya yang pertama selepas menjadi Perdana Menteri pada 1981. Seseengah pihak menganggap kata-kata itu sebagai gurauan semata-mata tetapi kemudian, Dr Mahathir meninjau sendiri tandas awam, parit dan longkang sebagai antara tempat pertama dilawatnya dengan matlamat mahukan tahap kebersihan diberi perhatian serius oleh rakyat.

Beliau menggunakan pendekatan seorang doktor untuk menangani permasalahan rakyat dan negara. Bagi seorang doktor, sebelum sesuatu pembedahan dilakukan, kebersihan mestilah dipastikan terlebih dulu. Sebelum pemikiran dan sikap rakyat dibedah, rakyat mestilah dilatih supaya mengutamakan kebersihan iaitu asas disiplin.

Selepas tandas, parit dan longkang dibersihkan, satu demi satu perubahan diperkenalkan untuk mengubah sikap kakitangan kerajaan dan rakyat. Tanda nama, alat perakar waktu serta penyeragaman waktu Malaysia Timur dan Barat adalah pembaharuan awal bertujuan mengubah sikap rakyat supaya menjadi pekerja yang rajin, berdisiplin dan dedikasi.

Sejak itu, ruang pejabat kerajaan tidak lagi dipenuhi keputihan asap dan puntung rokok, kakitangan kerajaan sudah mula duduk di kerusi masing-masing sebelum jam 8 pagi, pekerja baru akan mengenali kakitangan lain melalui tanda nama dan kantin hanya dipenuhi pada jam 10 pagi, bukan lagi pada bila-bila bersempang kosong.

Walaupun kejayaannya tidak mungkin

seratus peratus, sekurang-kurangnya kakitangan kerajaan sekarang lebih berdisiplin dan bersikap positif terhadap kerja dan tanggungjawab mereka. Itulah hasil dasar Dr Mahathir untuk menerap nilai disiplin.

Era pemerintahan Dr Mahathir adalah era mengubah sikap dan meniup semangat. Mencairkan kebekuan fikiran dan memulihkan semangat yang lemah, iaitu dua kesan peninggalan penjajah yang belum sepenuhnya diatasi. Ia adalah cabaran pertama yang mahu diatasi oleh Dr Mahathir.

Itulah sejarah pemerintahan Perdana Menteri dalam menerajui negara ini yang bermula daripada tindakannya menentukan setiap pegawai memasuki pejabat dengan *punch card* dan pemakaian tanda nama. Dasar-dasar yang diperkenalkan selepas itu seperti 'Pandang ke Timur', penswastaaan, kepemimpinan melalui teladan, Persyarikatan Malaysia, sebenarnya meletakkan kedudukan negara sebagai mana yang dapat kita lihat pada hari ini.

Apabila beliau menekankan dasar Pandang Ke Timur, rakyat Malaysia seolah-olah terpinga-pinga pada ketika itu mengenai apakah sebenarnya yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri mereka. Tidak kurang juga yang ragu. Sebenarnya ramai yang 'tidak nampak' wawasan Perdana Menteri ketika itu. Lantas mereka memberikan tafsiran yang pelbagai.

Ada yang mengatakan bahawa pentadbiran Dr Mahathir pada ketika itu terlalu 'laju' dan sukar bagi rakyat mengikutinya. Sebenarnya bukan beliau yang terlalu laju tetapi hakikatnya ialah ada di kalangan rakyat yang terlalu 'lambat'.

Melalui proses bedah siasat dan suntikan vaksin yang dilakukan Dr Mahathir sepanjang lebih 22 tahun lalu, rakyat Malaysia kini tidak lagi berasa rendah diri

dan cepat mengaku kalah. Kata-kata dorongan melalui cogan kata "Malaysia Boleh" adalah kemuncak kepada usaha yang ditiupkan oleh Dr Mahathir, bermula daripada beliau sendiri selaku pemimpin Malaysia dan Islam yang dihormati pada peringkat antarabangsa.

Beliau adalah anak Malaysia pertama yang mendapat pengiktirafan seumpamanya, malah dianggap wira dunia ketiga dan jurucakap negara Islam.

Mengimbas kembali, selepas sikap kakitangan kerajaan berjaya diubah, Dr Mahathir melangkah setapak lagi dengan menyuntik beberapa vaksin baru untuk mengubat virus lemah semangat.

Beliau juga memperkenalkan dasar penswastaaan dan perindustrian berat sebagai ubat mujarab yang melahirkan Proton Saga dan beberapa industri berat yang lain.

Setiap pembaharuan selanjutnya akan menghadapi tentangan. Begitu juga dengan Dr Mahathir. Projek Proton bukan saja mendapat tentangan daripada perwakilan Umno, malah kalangan akademik dan menteri Kabinetnya sendiri ada yang kurang yakin dengan projek itu.

Bagaimanapun bagi Dr Mahathir, kritikan adalah vitamin yang akan menguatkan lagi semangatnya mengharungi cabaran. Kejayaan seseorang pemimpin bukan saja terletak kepada keberhasilan wawasan dan gagasannya, tetapi kemampuannya mengurus kritikan, krisis dan konflik.

Pemimpin yang lemah akan membiarkan dirinya dipengaruhi suasana, tetapi pemimpin yang berwibawa akan berusaha mengubah suasana. Dr Mahathir memilih untuk mengubah suasana.

Mempengerusikan dua badan dunia terbesar selepas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) iaitu Pergerakan

Negara Berkecuali (NAM) yang dianggotai 114 negara dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dengan 57 anggota, adalah pencapaian terhebat Malaysia dan Dr Mahathir.

Beliau adalah jurucakap negara membangun pada forum antarabangsa. Pendiariannya yang tegas dan pandangannya yang kritikal terhadap dasar-dasar Barat yang menindas, menjadikan Dr Mahathir pemimpin dari negara kecil yang tidak takut menghadapi cabaran besar.

Objektif perjuangan beliau menjadikan Malaysia sebuah negara maju setanding negara Barat dan Jepun menjelang 2020, diperkenalkan pada 1991 sebagai satu dasar jangka panjang melalui Wawasan 2020.

Kalau dulu gagasan yang dikemukakan beliau menentang pelbagai masalah dan pandangan negatif, kini suasananya sudah berubah. Mereka yang dulunya gemar mengkritik beliau, kini mula mengaguminya.

Bayangkan apabila masa di Semenanjung dipercepatkan 30 minit untuk disamakan dengan waktu di Sarawak dan Sabah, ada yang merungut terutama di kalangan kakitangan kerajaan yang mendakwa langkah itu tidak Islamik kerana masa sembahyang subuh suntuk dan terpaksa bergegas awal ke pejabat.

Kemudian satu persatu langkah digerak oleh Dr Mahathir seperti melaksanakan projek Daya Bumi, membina Jambatan Pulau Pinang, membina kilang besi waja nasional, membuat kereta nasional Proton serta membina Lebuh Raya Utara-Selatan, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, membuka pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya, bandar pintar Cyberjaya dan pelaksanaan aplikasi Koridor Raya Multimedia (MSC).